

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April 2001

AOP 354 - Perkembangan Organisasi

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 dan Soalan 2 adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan lain.

...2/-

Soalan 1 (WAJIB)

Anda dijemput oleh Naib Canselor USM untuk membantu beliau melaksanakan perubahan menyeluruh ke atas institusi ini. Bincangkan model perubahan terancang yang boleh digunakan dan bagaimanakah anda akan menggunakan?

[25 markah]

Soalan 2 (WAJIB)

Andaikan institusi tempat anda belajar sekarang ini menghadapi beberapa masalah iaitu 30 % daripada pelajar tidak menghadiri kuliah dan tutorial; perkhidmatan dan penasihatatan pelajar mulai merosot; dan buku-buku rujukan dalam perpustakaan sentiasa hilang dari tempatnya. Anda dan kumpulan AOP 354 diminta menyelidik masalah ini dan menyarankan sekurang-kurangnya tiga (3) jenis program intervensi serta kekuatan menggunakan setiap satu sebagai rancangan tindakan jangka panjang bagi menambahbaik keadaan kedatangan pelajar; perkhidmatan dan penasihatatan pelajar; dan buku-buku rujukan dalam perpustakaan.

[25 markah]

Soalan 3

Ambil contoh sebuah organisasi/syarikat yang anda nampak berdaya maju. Apakah sifat Perkembangan Organisasi yang ada padanya yang membawa kepada keberkesanan dan kecekapannya? Bincangkan sifat Perkembangan Organisasi dengan berpandukan perlakuan dan usaha-usaha organisasi/syarikat tersebut.

[25 markah]

Soalan 4

Konsultan perubahan mempunyai peranan-peranan dan kemahiran-kemahiran tertentu yang diperlukan dalam menjayakan program perubahan terancang. Bincangkan lima (5) peranan dan lima (5) kemahiran tersebut dari segi kepentingannya kepada perubahan terancang.

[25 markah]

...3/-

Soalan 5

Apakah pengetahuan dan kemahiran yang anda perolehi daripada kursus ini? Bincang sekurang-kurangnya lima (5) pengetahuan dan lima (5) kemahiran yang anda perolehi dan dalam konteks manakah setiap pengetahuan dan kemahiran ini boleh digunakan dengan cekap dan berkesan?

[25 markah]

- oooOooo -